

NO. SOALAN : 66

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YB. TUAN WONG TIEN FATT @ WONG NYUK
FOH [SANDAKAN]**

TARIKH : 12 MAC 2018

SOALAN :

YB. Tuan Wong Tien Fatt @ Wong Nyuk Foh [Sandakan] minta **MENTERI PELANCONGAN DAN KEBUDAYAAN** menyatakan sama ada Kerajaan Persekutuan berniat atau merancang membangunkan Pantai Pasir Putih Sandakan sebagai lokasi pelancongan di Sandakan supaya ekonomi Sandakan dapat dimanfaatkan dari segi pembangunan pelancongan.

JAWAPAN : DATO' SERI MOHAMED NAZRI BIN ABDUL AZIZ
MENTERI PELANCONGAN DAN KEBUDAYAAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, di bawah Rancangan Malaysia KeSebelas (RMKe-11), bagi kawasan Parlimen Sandakan, Kementerian ini telah memperuntukkan sebanyak RM700,000.00 bagi Pembangunan Ekopelancongan di Bornean Sun Bear Conservation Center di Sepilok, Sandakan, Sabah.

Segmen ekopelancongan merupakan salah satu produk pelancongan yang akan diberi keutamaan oleh Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan dalam membangun dan mempromosikan sektor pelancongan di negara ini. Menerusi Pelan Ekopelancongan Kebangsaan 2016-2025, Kementerian telah merangka strategi dan pelan tindakan bagi membangun dan memastikan kelestarian produk ekopelancongan kekal mapan.

Bagi konteks negeri Sabah, kementerian ini memfokuskan kepada produk pelancongan yang berasaskan ekopelancongan dan menonjolkan kepelbagaian budaya dan adat warisan di negeri Sabah. Bagi tujuan tersebut, kementerian ini telah mengenal pasti lapan (8) kluster ekopelancongan yang berpotensi untuk dibangunkan di Sabah. Salah satu kluster yang akan dibangunkan adalah Kluster Ekopelancongan Sandakan - Kinabatangan yang meliputi produk ekopelancongan seperti Pantai Pasir Putih. Menerusi pembangunan kluster ekopelancongan ini, aktiviti ekopelancongan akan dapat dibangunkan secara holistik dan merangkumi inisiatif *community-based tourism* menerusi program homestay di kluster tersebut.

Kementerian ini juga sentiasa bekerjasama dengan Kementerian Pelancongan, Kebudayaan dan Alam Sekitar Negeri Sabah (KPKAS) dalam mempertimbangkan sebarang cadangan pembangunan pelancongan domestik dan antarabangsa di negeri Sabah bagi memastikan produk pelancongan di Malaysia dapat dibangunkan dan memberi manfaat kepada masyarakat tempatan

Sekian, terima kasih.